

NO.SOALAN : ~~76~~ 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[KUALATERENGGANU]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : NOMBOR ~~76~~ 84**

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah untuk membasmi ancaman-ancaman nelayan asing Vietnam terutamanya dari mengganggu nelayan Malaysia khususnya di pantai timur.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di- Pertua,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa melaksanakan rondaan secara berterusan di perairan tersebut terutamanya di kawasan sempadan perairan Negara. Pengawasan dan pemantauan ini dilaksanakan melalui rondaan berkala menggunakan kapal/bot dan pesawat udara. Disamping operasi berkala, APMM juga melaksanakan operasi khas melibatkan semua aset. Aset-aset APMM di pangkalan juga sentiasa digerakkan dalam tempoh 30 minit setelah menerima aduan berkaitan pencerobohan ataupun pelanggaran undang-undang maritim Negara. Semenjak pengoperasian APMM di perairan Pantai Timur mulai 2006, sebanyak 194,600 pemeriksaan telah dijalankan dan 424 tangkapan bot nelayan Vietnam telah dibuat sehingga kini.

APMM juga sentiasa bekerjasama dengan komuniti maritim agar segala permasalahan dapat diambil tindakan segera. Program Sahabat Maritim juga diperkenalkan bagi memastikan komuniti maritim menjadi mata dan telinga kepada Agensi ini dari segi penyaluran maklumat dari semasa ke semasa. Manakala program bertemu pelanggan melibatkan perjumpaan bersama nelayan-nelayan serta pengusaha bot yang dilakukan di semua kawasan atau pangkalan nelayan sepanjang tahun.

APMM juga meningkatkan kehadiran aset di *hotspot area* untuk memastikan agar jenayah dan kesalahan di laut dapat diatasi dengan serta-merta. Operasi Khas juga sering dilaksanakan dengan mengenal pasti modus operandi serta situasi kawasan yang seringkali menjadi tumpuan aktiviti jenayah di laut.

Maklumat perisikan juga menjadi fokus utama Agensi ini bagi memastikan keselamatan perairan Negara berada pada tahap yang terbaik. Maklumat perisikan

yang diterima akan dianalisis sebelum sesuatu perancangan bagi melaksanakan misi dapat dijayakan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM  
BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 85**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sudahkah Kementerian melaksanakan sistem profiling pemandu bas ekspres dan sejauh manakah ia dapat menangani isu pemandu bas yang bermasalah dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan bas ekspres.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telahpun membangunkan Sistem Profiling Pemegang Lesen Vokasional yang melibatkan pemandu kenderaan perkhidmatan awam (PSV) dan pemandu kenderaan barangan (GDL). Sistem ini mengandungi rekod berdasarkan maklumat yang sedia ada dalam Pangkalan Data JPJ dan rekod-rekod kesalahan dan senaraihitam di bawah sistem Trafik PDRM. Aplikasi sistem ini adalah dalam bentuk cetakan yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- (i) demografik pemandu;
- (ii) lesen pemandu;
- (iii) penggantungan lesen;
- (iv) senarai hitam pemandu, dan
- (v) rekod saman.

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem profiling ini dilihat dapat menangani isu pemandu bas yang bermasalah dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan bas ekspres memandangkan rekod yang menunjukkan kelakuan sebenar pemandu dapat dicapai melalui sistem ini. Berdasarkan rekod ini, pengusaha bas ekspres dapat menilai dan memilih pemandu yang berhemah dan kompeten untuk berkhidmat dengan syarikat mereka.

Pengusaha bas khususnya bas ekspres boleh mendapatkan maklumat melalui sistem profiling ini dengan mengemukakan permohonan rasmi kepada pihak JPJ. Selain itu, sistem profiling ini juga digunapakai untuk membantu siasatan kemalangan bas termasuk kes berprofil tinggi yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia.